



EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan di mana-mana platform media sosial sebelum jam 12 tengah hari pada 7 Februari 2024.

Untuk Terbitan Media

7 Februari 2024

SIARAN MEDIA

PERKESO SANTUNI WARIS LAGENDA BOLA SEPAK NEGARA, MOKHTAR DAHARI ALERT: KELUARGA TERIMA RM272,533.57 SEJAK 1992

KUALA LUMPUR: Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) telah membayar sejumlah RM272,533.57 kepada waris keluarga lagenda bola sepak negara Dato' Mohamad Mokhtar bin Dahari sejak 1992 selepas beliau meninggal dunia akibat penyakit *Neuron Motor*.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PERKESO, Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Aziz Mohammed berkata, allahyarham yang lebih dikenali dengan nama Mokhtar Dahari merupakan pencarum PERKESO bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 sejak 1974 hingga 1990 sebelum beliau disahkan meninggal dunia pada 11 Julai 1991 di Pusat Perubatan Universiti Malaya.

“Allahyarham yang terkenal dengan jolokan SuperMokh ini adalah penerima faedah bawah Skim Keilatan serta Pencen Penakat dan warisnya telah menerima faedah ini sejak 19 Jun 1992.

”Jumlah bayaran Pencen Penakat yang telah dibayar sehingga kini berjumlah RM272,533.57, kini hanya balu yang menerima manfaat

berkenaan berikutan tiga orang anaknya telah mencapai umur 21 tahun,” jelas beliau.

Balu Mokhtar Dahari, Datin Tengku Zarina Tengku Ibrahim, 68 masih menerima bayaran bulanan berjumlah RM708.20 dan akan terus dibayar sepanjang hayatnya.

Pengerusi Lembaga PERKESO, Dato’ Sri Subahan Kamal turut hadir menyantuni waris keluarga Dato’ Mokhtar Dahari di kediaman mereka dalam Ziarah Prihatin hari ini.

PERKESO sentiasa berusaha memastikan *no one is left behind* dan memburu peluang membawa sinar baharu buat seluruh rakyat Malaysia, berteraskan kempen PERKESO 2024 dan agensi ini bertekad menyebarkan berjuta kebaikan untuk kehidupan insan.

Tamat

###

Mengenai PERKESO

PERKESO, agensi Kerajaan yang menyediakan perlindungan sosial kepada pekerja swasta, Badan Berkanun/Kerajaan, bekerja sendiri dan suri rumah serta tanggungannya daripada keadaan luar jangka. Ia merangkumi kemalangan, hilang upaya, penyakit, kematian dan kehilangan pekerjaan. Perlindungan ini berkonsepkan insurans sosial dengan prinsip ‘Prihatin’ dan ‘*leaves no one behind*’. PERKESO beroperasi di 54 Pejabat, 5 Pusat Rehabilitasi dan 293 MyFutureJob One Stop Center di Malaysia. Layari www.perkeso.gov.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan 1300 22 8000.

**Dikeluarkan oleh:
Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat
7 Februari 2024**

**Untuk pertanyaan media, sila hubungi:
Mohd Wazid Zaidon
+6017-619 3181
wazid.zaidon@perkeso.gov.my**